

16 JUN 1999

MTEN-CNBC

MTEN BERI AMARAN KEPADA PAKAR STRATEGI KERANA RAMALAN SALAH

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah memberi amaran kepada pakar strategi bebas rantau ini David Roche kerana ulasannya yang mempersendakan dasar ekonomi Malaysia, yang menurutnya ternyata dipengaruhi oleh permusuhan peribadinya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sememangnya diketahui umum.

"Pandangan Roche yang menghina kepimpinan Malaysia dan caranya menangani krisis ekonomi telah diulang berkali-kali hingga memuakkan," kata majlis itu dalam sepucuk surat yang dihantar melalui faks kepada Martin Soong di CNBC Asia semalam.

Sambil melahirkan rasa kesal bahawa CNBC mengambil keputusan untuk mensensasikan temubual Perdana Menteri dengan menyiarkan ulasan Roche sebaik sahaja selepas temubual itu, ia berkata "memandangkan kata-katanya yang bertalu-talu memburukkan Perdana Menteri, orang tertanya-tanya kalau-kalau Encik Roche ada rasa tidak puashati yang lebih mendalam dari segi politik."

Walaupun sikap berat sebelahnya itu pernah dipertikaikan pada masa lalu, penyangkalan yang terbaik ialah prestasi ekonomi Malaysia sendiri pada masa ini, seperti yang terbukti daripada pengakuan pihak ketiga oleh penganalisis perbankan dan pelaburan asing, kata MTEN.

Tentang CNBC sendiri, majlis itu berkata "jika penjadualan program ini bertujuan memperbaiki penarafan penonton CNBC, kami hanya boleh membuat kesimpulan bahawa usaha yang jujur untuk memenuhi permintaan anda untuk menemubual itu telah dibalas dengan niat untuk sengaja mempersenda dan dengan niat jahat."

MTEN menegaskan bahawa ramalan Roche yang sentiasa meleset mengenai Malaysia dan keengganan untuk mengiktiraf kemajuan asas dan sebenar yang telah dicapai oleh kerajaan "akan menafikan kredibiliti bagi beliau di masa akan datang."

"Melalui pengalaman yang lalu, pengulas yang hanya pandai berteori seperti Encik Roche mempunyai hak istimewa untuk mengatakan Malaysia bernasib baik kerana secara kebetulan keadaan kewangan antarabangsa telah berubah pada ketika itu," tegas majlis itu.

Beliau menyebut Korea Selatan dan Thailand sebagai contoh kes yang berjaya tanpa mengenakan kawalan modal.

"Harus ditegaskan bahawa Thailand membuat ramalan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih rendah daripada Malaysia, dan lebih daripada secara kebetulan, Encik Roche lupa menyebut Indonesia, yang tidak serasi dengan teori anti kawalan modal itu," kata MTEN.

-- BERNAMA

MR KY MA